



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-6/1/51 (3)
Tarikh : 9 Oktober 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN TAFSIRAN PEGAWAI BAGI PEKELILING PERKHIDMATAN
SUMBER MANUSIA: PEGAWAI BERTUKAR WILAYAH**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, dasar dan peraturan bagi tujuan pelaksanaan serta kelayakan kemudahan untuk pegawai bertukar wilayah telah ditetapkan melalui MyPPSM: Pegawai Bertukar Wilayah yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022. Melalui peraturan ini, **pegawai perkhidmatan awam yang bertukar wilayah** diperuntukkan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal, Tambang Ihsan dan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang.

3. Sehubungan dengan itu, bagi menambah baik dan mengemas kini peraturan yang sedang berkuat kuasa, **tafsiran pegawai di bawah MyPPSM: Pegawai Bertukar Wilayah dipinda** mengikut Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 seperti mana berikut:-

TAFSIRAN SEDIA ADA	PINDAAN TAFSIRAN
Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap.	Pegawai bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (<i>contract of service</i>).


4. Pindaan tafsiran ini dilaksanakan melalui MyPPSM SR.6: Pegawai Bertukar Wilayah seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)